

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PESTA TANGLUNG
PADA 12 SEPTEMBER 2014
DI AUDITORIUM BUDAYA, KANGAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Prof. Madya Razli Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berusaha Saudara Ng Yi Hao, Pengarah Program Sambutan Pesta Tanglung 2014,

Pelajar-pelajar UniMAP, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vannakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersyukur kehadrat Allah kerana hanya dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-

sama pada malam ini dalam Majlis Perasmian **Sambutan Pesta Tanglung 2014.**

2. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti dengan kerjasama Sekretariat Pesta Tanglung kerana telah menganjurkan program ini dengan jayanya.

Hadirin dan hadirat sekalian

SAMBUTAN PESTA TANGLUNG 2014

3. Seperti yang kita tahu, di Malaysia “Pesta Tanglung” juga dikenali sebagai Perayaan Kuih Bulan.
4. Perayaan ini sebenarnya adalah sama penting dengan Perayaan Tahun Baru Cina. Ia merupakan salah satu perayaan tradisional kaum Cina bagi meraikan hasil tuaian mereka. Cuma ianya disambut pada hari ke-15 dalam bulan ke-8 kalendar Cina.
5. Tanglung merupakan warisan masyarakat Cina yang dibawa dari Tanah Besar China, digunakan bagi meraikan sambutan selepas musim menuai, sebagai satu pernyataan kegembiraan dalam suasana pesta. Pesta yang cukup menggembirakan terutama kanak-kanak dan remaja itu turut membantu merapatkan hubungan kekeluargaan, kejiraninan dan kemasyarakatan.
6. Di UniMAP, Pesta Tanglung ini telah diadakan sebagai acara tahunan dan tahun ini merupakan penganjuran kali ke-10. Seperti kebiasaan, saya dapat melihat program ini mendapat sambutan baik dari semua pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum di universiti ini. Ini menunjukkan, semangat perpaduan antara kaum di UniMAP semakin utuh dari tahun ke tahun.
7. Saya difahamkan, tema Pesta Tanglung 2014 adalah “**Bring a Feeling of Nostalgia from Joyfulness**” yang membawa maksud, “Imbas Kembali Perasaan Kekeluargaan Dalam Kegembiraan”. Saya percaya program ini juga akan menjadi platform bagi pelajar

yang baru mendaftar di UniMAP untuk menyesuaikan diri di sini bersama dengan pelajar-pelajar yang lebih senior.

8. Di Malaysia, sambutan Perayaan Pesta Tanglung adalah amat unik kerana ia disambut oleh berbilang kaum dan setiap persembahan yang dipersembahkan dipengaruhi oleh budaya setiap kaum dalam negara ini. Malahan kuih bulan yang dihidangkan pada perayaan pesta tanglung juga turut dinikmati dan digemari rakyat Malaysia.
Para Pelajar yang dikasihi sekaian,

PENUTUP

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.
10. Tahniah juga saya ucapkan kepada jawatankuasa Pesta Tanglung 2014, dibawah pimpinan saudara **Ng Yi Hao**. Saya berharap semangat kerjasama yang ditunjukkan pada malam ini bukan sahaja untuk hari ini tetapi akan terus dikekalkan di masa-masa akan datang dalam usaha untuk kita terus mengekalkan **“UniMAP sebagai Juara Perpaduan”**.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan ini merasmikan **Malam Persembahan Pesta Tanglung UniMAP 2014**.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.